



# Buletin Edisi 1/ 2014

# Jaluma

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



Wadah perkongsian ilmu



Naib Canselor UTM  
ketuai pendakian Gunung Kinabalu



MALAYSIA HR AWARDS 2013:  
IIUM raih anugerah perak  
kategori Majikan Pilihan

# TRANSFORMASI DIRI MAMPU BENTUK WARGA KERJA JADI IDAMAN MAJIKAN



oleh : Sahhizam Maamin, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kelestarian sesebuah organisasi bergantung pada warganya yang profesional, berdisiplin, berintegriti, berprestasi tinggi dan bekerja dalam sebuah pasukan. Profil pengurusan terbilang ini dapat dibentuk melalui latihan yang berterusan dan berkesan. Menyedari hal ini Jabatan Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program Transformasi Diri Menjadi Warga Kerja Idaman atau ringkasnya WAKIM.

WAKIM telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 11 September 2013 dan 8 Oktober 2013 bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah, UTeM. Program yang bermula dari jam 8.30 pagi hingga ke jam 5.00 petang telah dihadiri hampir 200 orang staf yang terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan.

Program kendalian pakar motivasi terkenal YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah ternyata memberi kelainan dari segi penyampaian dan isi kandungan program. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna untuk digarap oleh para peserta. Tambah menarik setiap tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan disandarkan kepada al-Quran, Sunnah dan nasihat ilmuan islam.

Pada sesi pertama program, peserta diperkenalkan dengan modul bertajuk Introspeksi Diri dan Memahami Minda WAKIM. Dalam sesi ini peserta diajak untuk melihat profil pekerja yang bersyukur dan mengaudit diri untuk



membuat anjakan paradigma. Sesi berikutnya penceramah mengupas pakej bersepadu warga kerja idaman yang menerangkan tentang 8 Unsur Diri, Transformasi Melalui Rutin Fitrah dan Tindakan Serta Merta Melakukan Perubahan. Pada sebelah petang pula peserta diberi kefahaman tentang konsep 33 Langkah Bijak Menjadi Warga Kerja Idaman Majikan dan pada sesi penutupnya penceramah telah membuat rumusan dengan membentangkan Rangka Tindakan, Penilaian dan Kontrak Diri melalui sesi *Moving Forward*. Melalui penilaian yang dijalankan diakhir program, keseluruhan peserta begitu berpuas hati dengan program WAKIM.

## PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI DIPERLUKAN DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN



oleh: Khairul Eruwan Abdul Halim, Siti Aishah Abdul Raffar & Faezah Ramli, Universiti Sains Malaysia (USM)

Kecemerlangan universiti amat bergantung kepada Pengurusan Sumber Manusia yang cekap dan berkesan untuk meningkatkan daya saing dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Menyedari keperluan ini, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Universiti Sains Malaysia menganjurkan Program Keutuhan Pentadbiran yang telah dijalankan pada 13-15 Disember 2013 di Kem Puncak Beris, Sik, Kedah. Upacara perasmian disempurnakan oleh Puan Siti Zubaidah A. Hamid, Pendaftar USM selaku penasihat program.

Program *outdoor* selama tiga hari ini bermatlamat untuk menyediakan jentera pentadbiran yang cekap dan berkesan bagi membolehkan staf memberi sumbangan bermakna kepada pencapaian Universiti khususnya dalam bidang pentadbiran. Di samping itu, program ini juga bermatlamat untuk meningkatkan kualiti pentadbiran yang lebih fleksibel dan responsif.

BPSM berpendapat Program Keutuhan Pentadbiran berjaya membawa kepada perubahan yang mencakupi



semua dimensi pengurusan dan pentadbiran, iaitu perubahan kepada struktur, amalan pengurusan, sistem dan prosedur serta teknologi. Tidak kurang penting juga adalah perubahan sikap seluruh warga universiti terutamanya staf yang menguruskan aktiviti Pengurusan Sumber Manusia.

Program tiga hari dua malam ini dipenuhi dengan aktiviti menarik seperti *Lake Crossing*, Santapan Rohani, *Explorace* Minda dan disudahi dengan Malam BBQ yang meriah dengan makanan yang dipanggang sendiri oleh para peserta dan jurulatih. Hadiah menarik disediakan kepada para peserta dan kumpulan yang berjaya melepasi rintangan sepanjang program tersebut berlangsung.

